

Usaha Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dalam Perkembangan Dakwah Orang Asli di Negeri Kelantan

[The Efforts of the Kelantan Islamic Religious Council (MAIK) in the Da'wah Development of the Orang Asli in Kelantan]

Muhammad Solihin Abd Razak¹ & Nawi @ Mohd Nawi Ismail²

¹ (Coressponding Author) Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Malaysia. E-mail: muhammadsolihinrazak@gmail.com.

² Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Malaysia. E-mail: nawi.ismail@umk.edu.my

ABSTRACT

This study explores the development of Islamic missionary efforts (dakwah) among the Orang Asli community in Kelantan, focusing on the initiatives undertaken by Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) from 1981 to 2025. Employing a qualitative research design, data were collected through document analysis involving academic articles, journals, meeting minutes, theses, books, and other scholarly materials. Additionally, unstructured interviews were conducted to support and enrich the data. The study also incorporates insights from previous research concerning the initial stages of dakwah among the Orang Asli in remote forest areas. However, the core emphasis is on the official involvement of MAIK in these efforts starting in 1981. The findings highlight significant progress achieved through these dakwah initiatives, particularly the substantial increase in conversions to Islam among the Orang Asli, reaching a recorded growth of 64.8% by 2023. This research contributes to a deeper understanding of the history and evolution of dakwah among the Orang Asli in Kelantan and aims to serve as a reference for future academic and community-based endeavours.

Keywords: The Development of Da'wah; Orang Asli; MAIK

ABSTRAK

Makalah ini menukilkan perkembangan dakwah Orang Asli di negeri Kelantan yang telah dilaksanakan oleh MAIK bermula tahun 1981 sehingga 2024. Dengan menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan instrumen kaedah pengumpulan data, rujukan kajian tertumpu kepada artikel, jurnal, minit mesyuarat, tesis, buku dan bahan bacaan ilmiah yang lain. Selain itu kaedah temubual tidak berstruktur turut

dilakukan untuk mendapatkan dapatan kajian, penulisan ini turut mencatatkan beberapa dapatan yang diperolehi daripada pengkaji terdahulu berkaitan tarikh permulaan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di belantara. Namun kajian ini memfokuskan tahun permulaan penglibatan MAIK secara rasmi dalam arena dakwah masyarakat Orang Asli iaitu pada tahun 1981 sehingga 2025. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkembangan positif yang diperolehi melalui usaha dakwah yang telah dilaksanakan antaranya ialah pertambahan jumlah pengislaman masyarakat Orang Asli dan kenaikan peratusan pengislaman masyarakat Orang Asli adalah sebanyak 64.8 peratus pada tahun 2023. Diharap kajian ini dapat membantu masyarakat diluar sana untuk lebih mengetahui sejarah perjalanan dakwah masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan seterusnya dapat menjadi rujukan kepada masyarakat diluar sana.

Kata Kunci: Perkembangan Dakwah; Orang Asli; MAIK

How to Cite:

Received: 11-02-2025

Revised: 7-05-2025

Accepted: 18-05-2025

Published: 20-05-2025

Razak, M. S. A. & Ismail, N. M. N. (2025). Usaha Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dalam Perkembangan Dakwah Orang Asli di Negeri Kelantan. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 60-77.

1. Pendahuluan

Dakwah merupakan tugas asasi bagi setiap umat Islam. Perkataan dakwah membawa maksud mengajak, menyeru, menyampaikan dan memperkenalkan ajaran Islam kepada masyarakat yang belum menjadikan agama Islam sebagai pegangan hidup. Dakwah dengan maksud lain juga adalah membawa manusia ke jalan yang Allah reda supaya mereka mendapat kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan akhirat (Abdul Ghafar Don et al. 2011).

Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa dan budaya. Pelbagai bangsa telah menjadikan Malaysia sebagai tanah air mereka di samping masyarakat asal yang mendiami Tanah Melayu ini. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022 menunjukkan jumlah penduduk Malaysia bagi tahun tersebut adalah seramai 32.7 juta orang. Memandangkan demografi penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, secara tidak langsung telah menjadikan gerakan dakwah begitu menarik untuk digerakkan. Peranan para pendakwah terbahagi kepada dua iaitu dakwah kepada orang Islam dan dakwah kepada yang bukan Islam (*non-Muslim*). Melihat dari neraca keutamaan untuk berdakwah, kedua-dua Gerakan dakwah ini mempunyai keutamaannya yang tersendiri pada masa dan keadaan yang tertentu. Namun

begitu, di Malaysia pihak kerajaan memainkan peranan yang begitu penting dalam melaksanakan dakwah kepada orang Islam. Antara agensi yang terlibat adalah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta pelbagai agensi dan pertubuhan bukan Kerajaan lain. Selain itu, agensi berkenaan juga turut terlibat dalam merancang dan melaksanakan dakwah kepada masyarakat yang belum memeluk agama Islam.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia yang telah dikeluarkan pada tahun 2022, pecahan mengikut negeri meletakkan negeri Kelantan pada kedudukan ketujuh daripada 14 buah negeri di Malaysia, iaitu dengan populasi seramai 1.8 juta orang merangkumi pelbagai bangsa dan agama yang menjadikan negeri Kelantan sebagai tempat berteduh. Sebagaimana negeri lain, Majlis Agama Islam Negeri atau lebih tepatnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha membantu dan menggerakkan gerakan dakwah kepada orang Islam ataupun *non-Muslim* melalui masjid di seluruh negeri Kelantan dan gerakan mobilisasi dakwah untuk menyantuni masyarakat Orang Asli di pedalaman negeri Kelantan (Abd Razak, M. S., 2023).

Menerusi penghasilan makalah kali ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada gerakan perkembangan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan bermula tahun 1981 sehingga 2024 yang merangkumi pelbagai aspek yang terlibat. Terutamanya perkembangan terhadap kaedah dakwah yang digunakan dalam usaha pemantapan penyampaian dakwah kepada masyarakat Orang Asli dan seterusnya tahap keberkesanannya yang telah dijalankan berdasarkan statistik pengislaman Orang Asli MAIK.

Mengikut data yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2023, jumlah masyarakat Orang Asli yang terdapat di negeri Kelantan adalah seramai 17,487 orang (Azrul Fahmi, 2023). Hal ini menjadikan jumlah peratusan populasi masyarakat Orang Asli sebanyak 0.97 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Kelantan.

1.1 Demografi Masyarakat Orang Asli Malaysia

Sebagaimana negeri lain, masyarakat Orang Asli di Kelantan turut ditakrifkan oleh Akta Orang Asli 1954 sebagaimana berikut:

Orang Asli merupakan etnik peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134, Pindaan 1974), Orang Asli merujuk kepada:

- a. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu.
- b. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu komuniti Orang Asli atau
- c. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu komuniti Orang Asli.

Demografi Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada 3 suku kaum utama yang bertutur dalam dialek berbeza iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto (JAKOA). Setiap suku kaum utama atau ras terpecah kepada beberapa suku atau etnik kecil seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Suku Kaum Utama Masyarakat Orang Asli
Suku Kaum Utama Masyarakat Orang Asli

Bil	Negrito	Senoi	Melayu Proto
1	Kensiu	Temiar	Temuan
2	Kintaq	Semai	Jakun
3	Jahai	Jah Hut	Semelai
4	Mendrik	Che Wong	Orang Kuala
5	Bateq	Semoq Beri	Orang Seletar
6	Lanoh	Mah Meri	Orang Kanaq

(Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli)

Di negeri Kelantan, terdapat tiga suku Orang Asli yang berasal daripada 2 suku utama iaitu, Suku Kaum Temiar, Suku Kaum Bateq, Suku Kaum Mendrik dan Suku Kaum Jahai sebagaimana Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Suku Kaum Masyarakat Orang Asli di Kelantan

Suku Kaum Masyarakat Orang Asli di Kelantan		
Bil	Suku Kaum	Jajahan/Penempatan

	Negrito	Senoi	
1.		Temiar	Gua Musang&Lojing
2.	Jahai		Jeli (Sungai Rual)
3.	Mendrik		Gua Musang (Kuala Lah)
4.	Bateq		Gua Musang

(Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli)

Masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan merupakan komuniti keempat terbesar selepas negeri Pahang, Perak dan Selangor (JAKOA, 2023). Umum mengetahui, masyarakat Orang Asli mempunyai agama dan kepercayaannya yang tersendiri. Masyarakat Orang Asli sangat terkenal dengan kepercayaan animisme. Secara umumnya animisme membawa maksud kepercayaan kepada semangat atau roh yang mendiami sesuatu tempat. Namun seiring dengan perubahan masa dan arus kemodenan pada masa kini, masyarakat Orang Asli telah menerima dan menganuti pelbagai agama yang dibawa daripada luar (Muhammad Solihin, 2023).

Secara umumnya gerakan dakwah di kawasan pedalaman aktif dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun begitu, tunjang keberkesanan dakwah Orang Asli adalah bergantung kepada kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh para pendakwah untuk menyantuni mereka. Menurut Zulkefli et al. (2014) kaedah dan pendekatan dakwah merupakan aset penting bagi menentukan keberkesanan gerak kerja dakwah yang dijalankan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Faisal & Nabil (2020), kaedah dan pendekatan yang baik akan berhasil daripada pemahaman yang baik tentang norma kehidupan masyarakat Orang Asli. Pendakwah disarankan untuk turut serta dalam kegiatan harian dan aktiviti masyarakat Orang Asli agar mampu untuk memahami aspek sosiobudaya mereka seterusnya dapat menilai kaedah dan pendekatan yang sesuai untuk menyantuni mereka di lapangan dakwah (Faisal & Nabil, 2020). Bagi menangani masalah tersebut, dalam penulisan kali ini turut membincangkan langkah proaktif yang telah diambil oleh MAIK bagi menutup kelomongan yang wujud agar tidak menjelaskan kelancaran gerakan dakwah di lapangan.

2. Kajian Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Nor Izzatul Husna Burhan (2022) yang bertajuk Pembangunan Elemen Pendakwah Orang Asli di Kelantan. Kajian ini membincangkan tentang membina kerangka model pembangunan dakwah Orang Asli di negeri Kelantan. Mokhtar & Aini (2014) dalam penulisan beliau

berkaitan Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey, Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan. Menerusi kajian yang dilakukan, permasalahan timbul apabila Gerakan dakwah islamiah dipandang sepi oleh masyarakat Orang Asli di Pulau Carey.

Kajian Asmadi Abdul Rahman dan Ramlan Mustafa (2020) berkaitan cabaran dalam pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang telah menggariskan 12 tema cabaran yang sedang dan terpaksa dihadapi secara langsung mahupun tidak langsung oleh para pendakwah di negeri Pahang dalam menjalankan kerja-kerja dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli di sana. Noraimi Mohamad dan Mariam Abd Majid (2019) dalam kajian tentang aplikasi konsep hikmah dalam pengajaran kepada saudara Baharu dan kajian ini dilakukan di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS). Kajian ini memfokuskan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar berdasarkan kesesuaian dan tahap pelajar dengan mengaplikasikan konsep hikmah.

Kajian yang dijalankan oleh Noraini Junoh, Ahmad Murshidi Mustapha, Mohd Nazri Mat Zin, Affendi Ismail, Zanirah Mustafa@Busu & Wan Zurina Nik Abdul Majid (2022) yang tentang isu dan cabaran pembangunan akidah Orang Asal di Malaysia. Kajian tersebut turut mengupas tentang cabaran yang dihadapi masyarakat Orang Asli dalam mengamalkan cara hidup yang berlandaskan agama Islam terutamanya dalam hal berkaitan akidah dan ibadah. Kajian-kajian terdahulu dijadikan sebagai bahan rujukan dalam menyokong dapatan yang diperolehi dalam kajian ini.

Walaupun terdapat beberapa kajian yang membincangkan pendekatan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia seperti kajian Nor Izzatul Husna (2022) iaitu pembangunan elemen dakwah, isu dan cabaran dakwah kajian yang dijalankan oleh Halim & Zulkifli; Asmadi & Ramlan, serta konsep hikmah dalam pengajaran saudara baru kajian oleh Noraimi & Mariam (2019), namun apa yang dapat diperhatikan kajian yang dilakukan secara khusus dan mendalam untuk menilai tahap keberkesanan kaedah dakwah yang digunakan masih terhad. Kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada masalah dan cabaran umum, tetapi kurang memberi perhatian terhadap pengaplikasian kaedah dakwah yang sesuai dan berkesan dengan latar belakang sosiobudaya masyarakat Orang Asli.

Selain itu, pendekatan dakwah yang digunakan oleh agensi, NGO atau pendakwah sering kali berorientasikan penyampaian satu hala, tanpa mengambil kira cara komunikasi, nilai, bahasa dan tradisi lokal yang menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari Orang Asli. Dalam konteks penulisan ini, perkembangan dakwah MAIK bermula dari tahun 1981 sehingga kini, dan menjadi asas penghasilan penulisan kajian ini. Perkembangan kaedah dakwah dan adaptasi dengan perkembangan semasa

yang digunakan oleh MAIK menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

3. Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dalam usaha mengumpulkan data kajian. Instrument kajian yang digunakan ialah soalan temu bual tak berstruktur. Rujukan kajian tertumpu kepada artikel, jurnal, minit mesyuarat, tesis, buku dan bahan bacaan ilmiah yang lain. Selain itu kaedah temubual tidak berstruktur turut dilakukan Bersama beberapa orang responden antaranya Penolong Pegawai Dakwah MAIK daripada Unit Dakwah Cawangan Gua Musang, Guru Agama Orang Asli MAIK (GAOA) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM (PMOA) yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti dakwah ini. Kajian ini lebih tertumpu kepada perkembangan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli yang telah dilaksanakan oleh MAIK. Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan tentang langkah proaktif yang telah diambil oleh MAIK bagi menutup kelompongan yang mampu menjelaskan kelancaran gerakan dakwah di lapangan.

4. Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Menelusuri sejarah perkembangan dakwah dan akidah masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan merupakan satu perkara yang menarik untuk dikaji. Pada dasarnya tiada catatan rasmi yang jelas ditemui oleh pengkaji berkaitan tarikh permulaan bermulanya dakwah Islamiah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan.

Namun begitu, penemuan beberapa catatan yang ditemui antaranya ialah Abd Ghafar Don (2014) menyatakan bahawa dasar islamisasi kerajaan Malaysia terhadap masyarakat Orang Asli sudah bermula pada tahun 80-an lagi dan melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal keagamaan seperti JAKIM dan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri dengan kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menggerakkan usaha-usaha dakwah dan pembangunan Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli lebih awal lagi dan pastinya negeri Kelantan tidak terkecuali. Walau bagaimanapun perkara ini tidak termaktub secara bertulis ataupun dalam bentuk dokumentasi. Perkara ini hanyalah satu bentuk permuafakatan dan kerjasama yang boleh disifatkan sebagai '*a kind of understanding*' (Abd Ghafar Don, 2014).

Perkembangan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan terbahagi kepada tiga fasa. Fasa permulaan adalah sebelum tahun 1966 iaitu pra-enekmen. Manakala peringkat kedua pada tahun 1966-1993 iaitu peringkat Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tahun 1966 dan peringkat ketiga pada tahun 1994 sehingga sekarang iaitu peringkat Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tahun 1994. Perkara ini selari dengan dapatan Aziz (2003) yang menyatakan bahawa wujudnya gerakan dakwah di belantara negeri Kelantan yang bermula pada tahun 1960. Perkara ini dikesan di Pos Sungai Rual oleh Exco Kerajaan Negeri pada ketika itu, iaitu Ustaz Abdullah (Baung) yang mengadakan aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli.

Namun begitu, tahun 1982 merupakan tarikh penting bagi MAIK dalam mengorak langkah dalam dunia dakwah Orang Asli (Yasmoon, Razaleighd dan Abdul Ghafar, 2018). Permulaan dakwah MAIK terhadap Orang Asli adalah pada tahun 1982. Bertitik tolak daripada tahun tersebut pada tahun 1983 MAIK terus mengorak langkah secara lebih serius dalam bidang dakwah dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk merancang dan melaksanakan gerak kerja dakwah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan (Izzatul Husna, 2022).

MAIK turut melatih masyarakat Orang Asli yang berkebolehan dari sudut agama untuk dijadikan sebagai Guru Agama Orang Asli, MAIK (GAOA) bertujuan untuk memudahkan gerak kerja dakwah MAIK di perkampungan Orang Asli. Selain daripada MAIK, melalui Unit Dakwah dan Guru Agama Orang Asli (GAOA), tugas dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Kelantan turut dibantu oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) melalui *Muallim* Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) melalui dai (Muhammad Solihin, 2023).

Sebahagian masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan telah menerima agama Islam sebagai pegangan hidup. Malah ada juga yang menjadikan agama Kristian, Bahai dan lain-lain agama sebagai anutan mereka. Penerimaan agama Islam sebagai pegangan hidup dalam masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan adalah amat baik. Malah terdapat beberapa pos Orang Asli yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam seperti Pos Hendrop, Pos Tuel, Aring 5, Pos Pulat dan Pos Kuala Koh yang majoriti masyarakatnya menganuti agama Islam (Muhammad Solihin, 2023). Pengkaji mendapati bahawa, gerakan dakwah di perkampungan masyarakat Orang Asli telah lama digerakkan bagi menyebarkan agama Islam di Kawasan-kawasan pedalaman.

Pada awal gerakan dakwah, MAIK berjaya mengislamkan seramai 3 orang daripada masyarakat Orang Asli, seorang pada tahun 1981 daripada masyarakat Orang Asli dari Rancangan Pengumpulan Semula Kuala Betis

(RPS Kuala Betis) dan pada tahun 1983 seramai dua orang masing-masing berasal daripada RPS Kuala Betis dan daripada Pos Tohoi (MAIK, 2024).

Berdasarkan daripada pengalaman inilah MAIK terus meningkatkan gerakan dakwah dari tahun ke tahun sehingga sekarang. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dijalankan bagi menyantuni masyarakat Orang Asli agar mereka lebih mengenali dan mendalamai agama Islam seterusnya menjadikannya sebagai pegangan hidup mereka. Aktiviti yang dilaksanakan oleh MAIK tidak hanya tertumpu kepada pengislaman Sahaja, tetapi juga pengisian ilmu fardu ain turut dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi pegangan akidah masyarakat Orang Asli yang baru memeluk Islam.

4.1 Pendakwah

Sejarah permulaan perkembangan agama Islam awalnya melalui kegiatan dakwah yang telah dijalankan oleh nabi Muhammad S.A.W bersama para sahabat dan diteruskan oleh para alim ulama dan pendakwah sehingga sekarang. Istilah pendakwah merujuk kepada individu yang berdakwah bagi menegakkan agama Allah (Burhanuddin Jalal et.al, 2018). Menurut Abdullah Hassan (2001) pendakwah membawa maksud mengajak dan menyeru manusia kepada agama Allah. Peranan pendakwah tidak hanya terhad kepada menyeru dengan lisan sahaja, malah pendakwah berperanan sebagai “*role model*” kepada masyarakat sekelilingnya. Menurut Burhanuddin Jalal et.al (2018) pendakwah haruslah mentransformasikan kata-kata kepada kenyataan agar golongan sasaran merasakan ilmu yang diperolehi lebih bermakna.

Dalam konteks penulisan ini, terdapat 102 orang pendakwah di bawah seliaan MAIK yang terdiri daripada Guru Agama Orang Asli, MAIK berjumlah 56 orang dan Penggerak Masyarakat Orang Asli, JAKIM seramai 46 orang (Mesyuarat Dakwah Orang Asli, 2024). Masing-masing ditugaskan untuk menggerakkan kerja dakwah di perkampungan Orang Asli. Antara sesuatu program yang menarik telah dilaksanakan oleh MAIK adalah melatih dan melantik pendakwah daripada kalangan masyarakat Orang Asli yang dikenali sebagai Guru Agama Orang Asli, MAIK (GAOA). Sejak awal penubuhan, GAOA berperanan besar dalam merapatkan jurang antara komuniti Orang Asli dengan agama Islam. Mereka berperanan dalam memperkenalkan Islam kepada masyarakat Orang Asli.

Menurut Mohd Nassuruddin Daud (2019) komuniti Orang Asli merupakan komuniti yang agak kompleks berbanding komuniti dan bangsa lain baik dari segi adat resam, cara berkomunikasi dan tingkah laku yang perlu kita fahami untuk mendekati mereka. “Kita hendak menyampaikan dakwah kepada mereka sukar sebab itu kita latih pendakwah daripada kalangan Orang Asli sendiri, kita beri pendidikan agama sehingga ada yang mampu menjadi

imam. Mereka juga memahami bahasa dan budaya sendiri jadi, ia lebih memudahkan tugas dakwah kepada komuniti Orang Asli,” katanya selepas merasmikan majlis Mahrajan Amal Islami Mualaf peringkat negeri di Kompleks Balai Islam Lundang.

Tumpuan MAIK tidak hanya memfokuskan kepada golongan sasaran semata-mata. Bagi meningkatkan keberkesanan gerak kerja dakwah yang dilakukan oleh pendakwah, MAIK turut melatih para pendakwah di bawah seliaannya agar menjadi lebih kompeten iaitu dengan memberikan kursus berkaitan ilmu dakwah serta memberi pendedahan kepada proses pengajaran dan pembelajaran agar ilmu yang dimiliki mampu disampaikan dengan baik kepada golongan sasaran (Mesyuarat Dakwah Orang Asli, 2022).

Jika tidak diberikan pendedahan sedemikian, dibimbangi akan menyebabkan berlakunya kegagalan gerakan dakwah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Hood Salleh (1991) yang menyatakan bahawa pendakwah merupakan salah satu penyumbang kepada kegagalan gerakan dakwah pada masyarakat Orang Asli. Perkara ini berlaku apabila pendakwah kurang bersedia dari aspek rohani dan jasmani, seterusnya menampilkkan langkah yang sumbang dalam gerakan dakwah dan membawa kepada kegagalan terhadap usaha tersebut.

4.2 Aktiviti Dakwah

Unit Dakwah MAIK selaku unit yang bertanggungjawab secara langsung dalam urusan dakwah kepada Orang Asli telah merancang dan melaksanakan pelbagai program berunsur dakwah dan kemasyarakatan merangkumi aspek sosial, pendidikan dan ekonomi yang bertujuan untuk menyantuni masyarakat Orang Asli seterusnya mengeratkan hubungan silaturahim antara MAIK dan masyarakat Orang Asli (Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abd. Ghafar Don & Abu Dardaa Muhammad, 2012).

Pada awalnya, program keagamaan yang diadakan oleh MAIK secara berkala antaranya Kelas Fardhu Ain (KFA) yang diadakan pada tahun 2008 iaitu sebanyak tiga siri. Program KFA tersebut dianjurkan oleh MAIK dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Siri pertama telah dihadiri oleh 23 orang peserta wanita dari RPS Kuala Betis, Pos Hendrop, Pos Tuel, Pos Hau, Pos Brooke, Pos Sungai Rual dan Pos Tohoi yang diadakan di Balai Islam Lundang, Kota Bharu. Bagi siri kedua KFA pula telah disertai oleh 28 orang peserta dari kalangan belia Orang Asli, manakala bagi siri ketiga dihadiri oleh 30 orang peserta dan seterusnya KFA diadakan pada tahun 2009 dan 2010 secara berkala sebagaimana tahun sebelumnya (Norhazani 2009:52).

Namun begitu, penambahbaikan telah dilakukan dari semasa ke semasa. Menurut Azrul Fahmi (2023), bermula tahun 2014 KFA telah diadakan setiap minggu di pos terpilih iaitu bermula di Pos Hendrop, seterusnya secara berperingkat ke Pos Tuel, RPS Kuala Betis, Pos Brooke serta Pos Sungai Rual dan telah dinamakan sebagai Kelas Fardhu Ain Mingguan Saudara Baru Orang Asli (KFAM). Antara program dakwah yang telah dilaksanakan sepanjang KFAM diadakan adalah seperti berikut:

4.2.1. Ziarah Dakwah

- a) Ziarah dakwah dilaksanakan oleh MAIK dengan kerjasama pelbagai agensi dan *NonGovernmental Organization* (NGO) setiap bulan mengikut jadual yang telah ditetapkan (Mesyuarat Dakwah Orang Asli, 2022).
- b) Lebih memfokuskan aktiviti bersama masyarakat Orang Asli bertujuan untuk mengeratkan dan membina hubungan silaturahim (Mesyuarat Dakwah Orang Asli, 2022).

4.2.2. Aktiviti Kebajikan

- a) Menyantuni komuniti Orang Asli yang ditimpah musibah atau yang memerlukan bantuan. Pelbagai bantuan yang disalurkan kepada komuniti Orang Asli Islam mengikut di bawah bidang kuasa MAIK (Mesyuarat Dakwah Orang Asli, 2022).
- b) Membayai pelajar daripada komuniti Orang Asli yang dapat melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi (Mesyuarat Dakwah Orang Asli, 2022).

4.2.3. Kelas Fardu Ain Mingguan Saudara Baru Orang Asli (KFAM)

- a) KFAM dilaksanakan setiap hari Jumaat di lima buah pos penempatan Orang Asli iaitu di pos RPS Kuala Betis, Pos Hendrop, Pos Tuel, Pos Brooke dan Pos Sungai Rual.
- b) KFAM turut dilaksanakan kepada kaum wanita tetapi hanya dilaksanakan sehari sebulan iaitu pada hari Sabtu.
- c) KFAM turut diadakan kepada pelajar masyarakat Orang Asli di sekolah sekitar Gua Musang seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Chiku 2, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indera Petra, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Wangi, Sekolah Menengah Kebangsaan Panggung Jaya serta Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Bendahara.

- d) Program KFAM diselia oleh MAIK dan dilaksanakan oleh para pendakwah seperti PMOA, *muallim* dan dai YADIM. Manakala di peringkat sekolah perlaksanaan dilakukan oleh pihak sekolah dan turut dipantau oleh MAIK.

4.2.4. Kelas Fardu Ain Harian (KFAH)

- a) KFAH dilaksanakan oleh PMOA sebanyak tiga hari seminggu di sekitar pos penempatan masyarakat Orang Asli sama ada di surau maupun di penempatan penduduk.
- b) KFAH memfokuskan masalah sehari-hari berkaitan hal ehwal agama Islam yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli.

Jika diamati program dakwah yang dijalankan oleh MAIK bersifat menyeluruh dan tidak hanya memfokuskan kepada golongan tertentu sahaja. Sasaran dakwah MAIK dan program pengukuhan akidah meliputi semua golongan baik lelaki maupun perempuan dan tanpa mengira batasan umur.

4.3 Perkembangan dalam Pendekatan Dakwah MAIK

Pendekatan dakwah yang telah dilaksanakan oleh MAIK telah mengalami perkembangan sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa. Perkembangan tersebut telah mengambil kira keunikan komuniti sasarnya iaitu masyarakat Orang Asli. MAIK tidak lagi bergantung kepada pendekatan konvensional semata-mata, sebaliknya telah merangka dan mengatur gerak strategi dakwah yang lebih berfasa, sistematik dan inklusif merangkumi pelbagai aspek misalnya kebajikan, sosial dan pendidikan. Perkembangan ini jelas dapat dilihat melalui pelaksanaan program-program yang berbentuk kebajikan dan keagamaan disamping menekankan kompetensi para pendakwah.

4.3.1 Guru Agama Orang Asli

Mengambil kira aspek permasalahan pendakwah dari luar yang gagal untuk beradaptasi dan menyediakan kaedah dakwah yang bersesuaian dengan sosiobudaya masyarakat Orang Asli, MAIK telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan GAOA MAIK bagi menutup ruang pemisah yang telah sedia ada antara para pendakwah dan masyarakat Orang Asli. Menurut Azrul Fahmi (2025), usaha GAOA merupakan satu aset yang bernilai kepada MAIK yang memainkan peranan yang penting sebagai mana berikut:

- a) Menyesuaikan kaedah dakwah dengan budaya setempat.

Pendekatan dakwah yang bersifat menyeluruh, berteraskan empati merupakan asas yang utama dalam memastikan keberkesanannya dakwah Islam. Mewujudkan suasana yang harmoni antara pendakwah dan masyarakat setempat bukan sahaja meningkatkan penerimaan, malah menjadikan mesej dakwah lebih relevan dan tidak dianggap asing dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Pendekatan sebegini membolehkan nilai-nilai Islam diintegrasikan secara menyeluruh dalam kehidupan mereka (Aris Rami, 2025).

b) Mengatasi masalah komunikasi.

Komunikasi merupakan teras utama dalam kejayaan menyampaikan dakwah. Ia bukan hanya tentang apa yang disampaikan, tetapi bagaimana ia disampaikan. Komunikasi yang baik akan membawa mesej Islam secara hikmah, inklusif dan berkesan. Dalam konteks dakwah di kawasan pedalaman, perbezaan adat dan budaya merupakan satu perkara yang perlu dititik beratkan bagi mengelakkan daripada berlakunya salah faham, penolakan dan ketegangan yang berpunca daripada agama. Dengan adanya GAOA perkara tersebut mampu dielakkan dan proses dakwah dapat disampaikan dengan bahasa yang mudah untuk difahami selaras dengan tahap pemahaman masyarakat setempat (Azrul Fahmi, 2025).

c) Mengurangkan jurang diantara pendakwah dengan masyarakat setempat.

Menggunakan pendakwah dari bangsa atau suku yang sama dengan sasaran dakwah merupakan satu kelebihan apabila berada di lapangan dakwah. Antaranya ialah mampu untuk merapatkan jurang antara pendakwah dengan golongan sasaran yang telah terpisah kerana perbezaan adat dan budaya. Menurut Muhammad Solihin (2023), pendekatan ini bukan sahaja mampu untuk merapatkan jurang sosial antara pendakwah dengan sasaran dakwah malah turut meningkatkan tahap penerimaan, kepercayaan dan keberkesanannya dalam penyampaian mesej dakwah. Kejayaan ini didorong oleh persamaan dalam latar belakang etnik dan kemudahan dalam urusan komunikasi dan secara tidak langsung mampu untuk mengurangkan risiko salah faham berkaitan agama.

4.3.2 Aktiviti Ziarah dan Kebajikan

Aktiviti ziarah dan kebajikan MAIK merupakan suatu aktiviti yang dirangka untuk menjaga kebajikan, menyantuni dan mengeratkan hubungan antara agensi dengan masyarakat Orang Asli. Menurut Syukri (2023), aktiviti ini merupakan serampang dua mata kerana selain menyantuni dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, aktiviti ini juga merupakan salah satu kaedah dakwah keluar pihak MAIK iaitu bertujuan untuk menarik golongan *non-muslim* untuk mendekati ajaran Islam.

4.3.3 Kelas Fardhu Ain Mingguan (KFAM)

Perkembangan dalam pendekatan dakwah MAIK dapat dilihat melalui perubahan pelaksanaan program KFA yang mengalami perubahan secara signifikan melalui penstrukturran semula secara berfasa dengan lebih meluas pelaksanaanya. Pada peringkat awal permulaan kelas diadakan secara berkala dan dalam jumlah yang terhad dan penglibatan yang turut terhad kepada mereka yang terpilih (Azrul Fahmi, 2025). Bermula pada tahun 2014 kaedah tersebut telah ditambah baik dengan diadakan secara mingguan dengan penglibatan penyertaan terbuka kepada semua masyarakat Orang Asli di pos dan sekolah yang terlibat.

Kaedah pengajian KFAM secara pengulangan yang diadakan setiap minggu merupakan satu kaedah yang berkesan untuk pembelajaran. Menurut Kang (2016), kaedah pengulangan atau *Spaced Repetition* merupakan satu strategi pembelajaran yang melibatkan pengulangan semula maklumat yang dapat memberi kesan positif terhadap pembelajaran seseorang. Tambah beliau lagi, kaedah ini berdasarkan prinsip psikologi kognitif yang akan memberi kesan kepada memori seseorang menjadi lebih kuat apabila pengulangan sesuatu maklumat dilakukan.

4.4 Hasil Usaha Dakwah

Usaha dakwah terhadap Orang Asli yang telah dilaksanakan oleh MAIK dan agensi-agensi yang berkaitan telah menampakkan hasil. Mengikut bancian yang di lakukan oleh MAIK pada bulan Januari 2023 di negeri Kelantan, terdapat 4,830 keluarga Orang Asli yang menetap di 20 buah Pos di seluruh Kelantan. Daripada jumlah tersebut kebanyakannya daripada mereka sudah mula menerima agama Islam sebagai pegangan hidup dan selebihnya lain-lain agama (Razak dan Ismail, 2023). Bancian Ketua Isi Rumah (KIR) Islam yang di lakukan oleh MAIK pada Januari 2023, sebanyak 3,214 KIR Orang Asli merupakan keluarga beragama Islam yang menjadikan jumlah peratusan

sebanyak 66.5 pertaus KIR Orang Asli negeri Kelantan adalah beragama Islam (Siti Farahida, 2023). Berikut merupakan jadual data pengislaman ketua isi rumah Orang Asli:

Jadual 3: Data Pengislaman Ketua Isi Rumah Orang Asli

Bil	Tahun	Jumlah Keseluruhan Ketua Isi Rumah Orang Asli	Jumlah Ketua Isi Rumah Orang Asli Islam	Catatan
1.	2023	4,830	3,214	Berdasarkan jumlah KIR Orang Asli, menunjukkan KIR Orang Asli Islam sebanyak 66.5%

(Sumber: Razak & Ismail, 2023)

Sebagaimana ungkapan “Usaha tidak mengkhianati hasil” menggambarkan usaha merupakan suatu proses yang diambil bagi mencapai suatu tujuan, manakala hasil membawa maksud perkembangan atau apa yang diperolehi setelah berusaha. Usaha MAIK dalam berdakwah kepada masyarakat Orang Asli telah membawa hasil dan dapat dilihat berdasarkan hasil yang diperolehi melalui jumlah pengislaman Orang Asli sebagaimana jadual di atas. Data menunjukkan berlakunya peningkatan kadar pengislaman masyarakat Orang Asli dari tahun ke tahun sebagaimana berikut:

Jadual 4: Data Pengislaman Orang Asli

Data Pengislaman Orang Asli		
Bil	Tahun	Jumlah Pengislaman
1	1981-1990	163 orang
2	1990-2000	1,473 orang
3	2000-2010	2,428 orang
4	2010-2020	2,065 orang
5	2020- 2024 (Julai)	1,933 orang
Jumlah Keseluruhan:		8,060 Orang

(Sumber: Data Pengislaman Saudara Baru MAIK, 2024)

Pada dekad pertama permulaan dakwah dilakukan iaitu pada tahun 1981 sehingga 1990 hanya 163 orang sahaja Orang Asli yang menganuti agama Islam. Keadaan ini menceminkan fasa permulaan usaha dakwah iaitu fasa pengenalan kepada ajaran Islam yang sudah tentunya mengambil masa

bagi pendakwah untuk memperkenalkan Islam kepada masyarakat Orang Asli. Pada dekad kedua bermula 1990 sehingga 2000 menunjukkan usaha dakwah yang telah dilakukan sudah mula diterima dengan lebih baik oleh masyarakat Orang Asli. Buktinya berlaku peningkatan pengislaman masyarakat Orang Asli pada dekad tersebut iaitu berjumlah 1,473 orang. Dapat dirumuskan bahawa, program dakwah yang dijalankan sudah mula diterima oleh masyarakat Orang Asli.

Pada tahun 2000 sehingga 2010 merupakan dekad ketiga usaha dakwah yang dijalankan oleh MAIK. Dekad ini menunjukkan satu pencapaian yang membanggakan iaitu kenaikan pengislaman Orang Asli sebanyak 64.8 peratus yang berjumlah 2,428 orang. Jumlah ini menunjukkan program dakwah yang dijalankan telah menampakkan hasil dan pendekatan yang digunakan lebih berkesan (Siti Farahida, 2023). Seterusnya, pada tahun 2010 sehingga 2020 iaitu pada dekad keempat usaha dakwah ini dijalankan pendaftaran pengislaman Orang Asli adalah sebanyak 2,065. Walaupun berlaku sedikit penurun dalam jumlah pengislaman iaitu sebanyak 14.95 peratus bagi tempoh tersebut, jumlah ini masih lagi signifikan malah penurunan tersebut adalah disebabkan oleh penularan wabak Covid-19 yang bermula pada Januari 2019 dan telah menyebabkan Kerajaan Malaysia mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung wabak tersebut yang mengakibatkan sektor yang tidak kritikal tidak dibenarkan beroperasi termasuklah usaha dakwah ini.

Bagi dekad yang terkini 2020 sehingga Julai 2024, jumlah pengislaman yang diterima oleh MAIK adalah sebanyak 1,933 orang. Secara keseluruhannya, sebanyak 8,060 orang masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam bermula 1981 sehingga Julai 2024 mencerminkan kesungguhan usaha dakwah yang telah dilakukan. Kini pada tahun 2024 bermakna sudah 43 tahun gerakan dakwah telah digerakkan di Kawasan pedalaman dengan penuh harapan agar masyarakat Orang Asli mentauhidkan Allah.

Berdasarkan peratusan pengislaman masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan sebagaimana yang dinyatakan pada jadual 4.1 di atas, dapat dirumuskan bahawa dakwah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan telah mula menemui rentaknya. Walau bagaimanapun, usaha ini hanyalah satu permulaan kepada gerakan dakwah yang telah digerakkan oleh MAIK. Justeru itu, perancangan yang lebih menyeluruh serta penambahbaikan yang berterusan perlu dirangka dan dilaksanakan agar sebarang kelemahan dan kelompongan yang ada dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera. Aktiviti ziarah dan kebajikan yang telah dilaksanakan sebelum ini wajar diperkasakan dengan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi menarik minat masyarakat Orang Asli untuk lebih mendekati ajaran Islam. Perancangan yang rapi perlu digerakkan secara proaktif agar minat dan

kecenderungan masyarakat Orang Asli terhadap Islam tidak luntur seiring dengan peredaran masa.

5. Kesimpulan

Peranan dan tanggungjawab usaha dakwah tidak hanya terletak di atas bahu individu atau organisasi tertentu sahaja, bahkan dakwah ini menjadi kewajipan bagi seluruh umat Islam untuk dilaksanakan bagi memastikan syiar Islam tersebar keseluruh pelusuk alam. Walaupun telah menjadi kewajipan atas setiap individu untuk melaksanakan kerja dakwah, namun berdasarkan tafsir Ibn Kathir (2005) menjelaskan bahawa hendaklah ada segolongan daripada umat Islam yang melaksanakan peranan amar makruf dan nahi mungkar. Bagi memastikan kerja dakwah dilaksanakan perlunya kepada agensi, NGO dan pendakwah yang kompeten dan sarat dengan idea-idea baharu dan bersesuaian dengan peredaran masa agar gerak kerja berjalan dengan jayanya di lapangan dakwah.

Rujukan

Al Quran

- Ab Aziz, M. Z., Nor Raudah, H. S., Yusmini, M. Y., Faridah, M. S., & Mohd Anwarulhaq, S. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab Aziz, Y. (2012). *Pembangunan holistik menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar, D. (2014, Mac 17–19). *Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan realiti kefahaman dan penghayatan Islam*. Kertas kerja dibentangkan dalam Program Kolokium Islam Pahang Magamaeraikan Ilmu, Pahang.
- Abdul Ghafar, D., Nurul Nazuha, H., & Razaleigh, M. @ Kawangit. (2011). Dakwah kepada non-Muslim: Sorotan pendekatan Rasul Ulu al-'Azmi. *Islamiyyat*, 33, 45–52.
- Abdullah, H. (2001). *Komunikasi untuk pendakwah: Panduan mengubah sikap dan tingkah laku orang lain*. Bentong: PTS Publications.
- Akta Orang Asli 1954 (Akta 134, Pindaan 1974).
- Aris Rami. (2025). Laporan temubual bersama Guru Agama Orang Asli MAIK: Usaha Yang Dilaksanakan Oleh MAIK Dalam Perkembangan Dakwah Orang Asli Di Kelantan).
- Asmadi, A. R., & Ramli, M. (2020). *Cabarannya pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang*.
- Data Taburan Orang Asli di Seluruh Semenanjung Malaysia. (2023). *Orang Asli*. <https://data.gov.my>
- Halim, M., & Zulkifli, A. (2014). Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, cabaran dan permasalahan. Dalam A. Puteh & A. I. Mokhtar (Pnyt.), *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM.
- Jabatan Muzium Malaysia. (n.d.). *Kepercayaan dan pantang larang dalam masyarakat Orang Asli*.

- http://www.jmm.gov.my/files/KEPERCAYAAN%20%20DAN%20PANTANG%20LARANG%20DALAM%20MASYARAKAT%20ORANG%20ASLI%20%282%29_1.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Jumlah penduduk Malaysia*.
- Kang, S. H. K. (2016). Spaced repetition promotes efficient and effective learning: Policy implications for instruction. *Policy Insights from the Behavioral and Brain Sciences*, 3(1), 12–19.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (2022). *Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada Orang Asli dan Bukan Islam Bilangan 1/2022*.
- Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada Orang Asli dan Bukan Islam Bil 1/2019.
- Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada Orang Asli dan Bukan Islam, 2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada Orang Asli dan Bukan Islam, 2023.
- Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada Orang Asli dan Bukan Islam, 2024.
- Mohammad Azrul Fahmi, (2023). *Peranan MAIK terhadap komuniti Orang Asli di Negeri Kelantan: Analisis berkaitan kebijakan dan kemanusiaan*.
- Mohamad Azrul Fahmi. (2025). *Laporan temubual bersama Penolong Pegawai Dakwah MAIK: Usaha Yang Dilaksanakan Oleh MAIK Dalam Perkembangan Dakwah Orang Asli Di Kelantan*).
- Mohd Syukri (2023). *Peranan MAIK terhadap komuniti Orang Asli di Negeri Kelantan: Analisis berkaitan kebijakan dan kemanusiaan*.
- Mohd Nassuruddin, D. (2019, Julai 16). Kelantan latih 40 orang pendakwah Orang Asli. *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2019/07/16/kelantan-latih-40-pendakwah-orang-asli/>
- Muhammad Faisal, A., & Nabil, A. (2020). Elemen dalam kandungan program latihan dan bimbingan kepada pendakwah. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 161–172.
- Muhammad Solihin, A. R. (2023). *Pengukuhan dakwah dan akidah dalam kalangan komuniti Orang Asli di RPS Kuala Betis: Kajian usaha-usaha yang dilakukan oleh MAIK* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaysia Kelantan].
- Norhazani, A. (2009). *Pendekatan program dakwah terhadap Orang Asli: Kajian di Majlis 202Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* [Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nor Izzatul Husna, B. (2022). *Pembangunan elemen pendakwah Orang Asli di Kelantan* [Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Razak, M. S. A., & Ismail, N. M. N. (2023). Peranan MAIK terhadap komuniti Orang Asli di negeri Kelantan: Analisis berkaitan kebijakan dan kemanusiaan. *Rabbanica - Journal of Revealed Knowledge*, 4(1), 91–108.
- Razaleigh, M. @ Kawangit, Abd Ghafar, D., & Abu Dardaa, M. (2012). Dakwah kepada golongan muallaf Orang Asli di Kelantan. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 87–105.
- Siti Farahida, F. (2022, Disember 26). *Peranan MAIK terhadap komuniti Orang Asli di Negeri Kelantan: Analisis berkaitan kebijakan dan kemanusiaan*.
- Yasmon, M., Abdul Ghafar, D., & Razaleigh, M. @ Kawangit. (2018). Pengurusan dakwah Orang Asli oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Orang Melayu Kelantan (MAIK).
- Zulkefli, A., Abd Hakim, M., Rosmawati, M. R., Muhammad Faisal, A., Siti Rugayah, T., Muhammad Adib, S., Salasiah Hanim, H., Ahmad Irdha, M., & Salahudin, S. S. (2014). Komunikasi dakwah antara budaya dalam masyarakat majmuk di Sabah. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin*, Universiti Malaysia Sabah.